

Malaysia terus bersuara perjuang nasib rakyat Palestin: Anwar

KL berhak nyata pendirian tegas menentang kezaliman, kekejaman

Daripada
Mohd Iskandar
Ibrahim

di Manama,
Bahrain



Malaysia akan terus bersuara memperjuangkan isu Palestin yang berdepan kezaliman dan kekejaman, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah sebuah negara yang bebas dan berdaulat serta berhak menyatakan pendirian dengan tegas di mana sahaja.

"Kita bukan memilih untuk memusuh sesiapa, tetapi di mana sahaja (wujud) bentuk kezaliman dan kekejaman, harus kita bela dan perjuangkan.

"Saya percaya ada juga sege-lintir kecil termasuk di Malaysia yang meragui ini (dan) ada juga yang menentang... jadi saya tanya mereka, apakah mereka tidak belajar mengenai kemanusiaan (atau) keadilan?"

"Adakah mereka dibesarkan untuk membiarkan jiran tetangga mereka diterajang dan dibunuh," katanya ketika bercakap kepada media Malaysia di sini sebelum mengakhiri lawatan rasmi ke Bahrain atas jemputan Putera Mahkota Sheikh Salman Hamad Al Khalifa.

Media antarabangsa sebelum ini melaporkan terdapat dakwaan kononnya Anwar dinasihatkan pegawai kerajaan supaya tidak terlalu tegas berhubung isu Hamas dan Israel bagi mengelak sebarang tindak balas daripada Amerika Syarikat (AS).


Menurut laporan itu lagi, kebimbangan terbabit timbul dengan tindakan Presiden AS, Donald Trump menerusi dasar baharunya termasuk mengenakan tarif lebih tinggi kepada negara asing.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, inisiatif Malaysia dalam membantu pihak terkesan akibat kezaliman bukan baharu, sebaliknya sudah lama digerakkan termasuk ketika perang Bosnia dan era apartheid di Afrika Selatan.

Penghormatan terbesar

Dalam pada itu, Anwar berkata, ruang diberikan untuk berucap di hadapan lebih 400 ulama dan cendekiawan Islam pada Persidangan Dialog Intra-Islamik (IIDC) menjadi satu penghormatan terbesar kepada Malaysia.

Menjadi satu-satunya ketua kerajaan berucap pada persidangan



Anwar pada sidang media sebelum mengakhiri lawatan ke Bahrain, kelmarin. Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr Zulkifli Hasan (kiri) dan Duta Besar Malaysia ke Bahrain, Shazryll Zahiran. (Foto BERNAMA)

berkenaan, Perdana Menteri berkata, ia menjadi bukti dan penghargaan terhadap usaha memartabatkan Islam yang dilakukan Kerajaan MADANI.

"Raja Bahrain (Sheikh Hamad Isa Al Khalifa) dan Sheikh Al-Azhar Al-Sharif (Profesor Dr Ahmad Muhammad Ahmad At-Ta'yyeb) memberi peluang (kepada

saya) hadir dan memberi ucapan pada persidangan IIDC.

"Persidangan ini mengundang semua tokoh Islam utama dunia dan dari semua mazhab, aliran untuk bermuafakat mengelakkan daripada perseteruan dan ketegangan, menerima kenyataan bahawa ada beberapa hal yang kita berbeza pendapat, sama ada

dalam bidang teologi atau amalan," katanya.

Kelmarin, Anwar ketika menyampaikan ucapan pada IIDC menegaskan semua ulama dan cendekiawan Islam bersatu dan menangani isu perpecahan mazhab dengan mengambil langkah tegas menyokong Palestin dan Syria.